



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

SISTEM INTEGRASI BERSEPADU AGENSI PENGUATKUASA

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ingin menjelaskan bahawa, pengurusan penguatkuasaan bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya untuk mematuhi undang-undang, merupakan suatu keutamaan bagi semua agensi penguatkuasa.

Baru-baru ini, JPJ telah mengadakan perbincangan bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Melalui perbincangan tersebut, ketiga-tiga agensi penguatkuasa amat komited untuk menambah baik sistem pengurusan penguatkuasaan ke arah yang lebih komprehensif.

Dalam hal ini, perkongsian maklumat penguatkuasaan antara ketiga-tiga agensi penguatkuasa merupakan suatu keperluan, selari dengan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Buat masa ini, JPJ menggunakan sistem perkomputeran mySIKAP, manakala PDRM dan SPAD mempunyai sistem masing-masing dalam menjalankan operasi penguatkuasaan jalan raya.

Oleh itu, persetujuan telah dibuat supaya, sistem integrasi sedia ada yang dilaksanakan secara masa nyata (*real time*) pada masa ini perlu dipertingkatkan khususnya prosedur menyenarai hitam pemandu, pemilik dan kenderaan. Hal ini

penting supaya, pengguna yang berada di atas jalan raya merupakan mereka yang kompeten.

Selain itu, perbincangan tersebut juga mendapati bahawa, terdapat keperluan untuk perkongsian maklumat secara dua hala bagi kesalahan trafik pengguna jalan raya yang menerima saman atau notis daripada PDRM kepada JPJ. Hal ini bertujuan, untuk membolehkan JPJ memantau dan mengambil tindakan pencegahan sekiranya perlu kepada pesalah trafik di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Manakala, pihak SPAD pula akan mendapatkan maklumat dan data terkini supaya tindakan segera dapat diambil ke atas pengendali syarikat bas dan pemandu agar mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan sebelum memulakan operasi.

Bagi tindakan susulan terhadap kesalahan trafik kepada pengendali dan pemandu kenderaan perdagangan, JPJ dan PDRM akan melaksanakan perkongsian maklumat secara berkala kepada SPAD sehingga pembangunan sistem integrasi bersepadu ketiga-tiga agensi penguatkuasa ini selesai dilaksanakan.

Dalam pada itu, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) juga akan membantu bagi melihat keperluan menyeluruh kapasiti pembangunan integrasi sistem bersepadu agensi penguatkuasa.

**DATO' NADZRI SIRON
KETUA PENGARAH
PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

29 JULAI 2016

[TAMAT]